

Mangsa mula pulang

Keadaan di Johor bertambah baik, mangsa di pusat pemindahan tinggal 1,111 orang

>>Oleh Mohamad Fahd Rahmat
metrojb@yahoo.com

JOHOR BAHRU: Situasi banjir di Johor bertambah baik semalam apabila jumlah mangsa banjir yang masih ditempatkan di pusat pemindahan menurun kepada 1,111 berbanding 1,307, kelmarin.

Jurucakap Bilik Gerakan Majlis Keselamatan Negara (Johor) ketika dihubungi bagaimanapun berkata, jumlah pusat pemindahan masih kekal pada 16 pusat seperti direkodkan kelmarin.

“Setakat jam 8 malam semalam, jumlah berkenaan membabitkan pusat pemindahan di Mersing, Segamat dan Batu Pahat.

“Mersing paling teruk terjejas dengan 676 individu masih berada di tujuh pusat pemindahan diikuti Segamat (318 di tujuh pusat) dan 117 mangsa di Batu Pahat dengan dua pusat pemindahan masih beroperasi,” katanya.

Menurut jurucakap, terdapat 16 lokasi kawasan banjir di tiga daerah terbabit dan orang ramai diminta mematuhi arahan pihak berkuasa sepanjang berada di pusat

pemindahan.

“Tiada ancaman banjir dikeluarkan di 16 lokasi di tiga daerah terbabit dan pada masa sama orang ramai diminta jangan bermain air bagi mengelak kejadian tidak diingini,” katanya.

Menurut jurucakap, kawasan terbabit termasuk Kampung Tanah Abang dan Sekolah Agama Mersing Kanan di Mersing, Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat, Kampung Baru Senggarang, Batu Pahat serta Kampung Tandong serta Kampung Mensudut Pindah di Segamat.

Pada masa sama, setakat jam 4 petang semalam, laluan estet (tanah merah) menuju ke Kampung Orang Asli Peta, Taman Negara Endau Rompin yang sebelum ini ditutup sejak 18 Disember lalu akibat banjir, kini sudah boleh dilalui oleh semua jenis kenderaan.

Sementara itu, jurucakap berkata, setakat jam 7 malam tadi, paras air Sungai Lenik di Chaah, Segamat turun kepada 5.15 meter (m) berbanding 5.50m, semalam. Paras bahaya sungai berkenaan ialah enam meter.

Sungai Muar di Kampung

Awat (19.59m berbanding 19.91m, paras bahaya 19.95m), Sungai Muar di Buloh Kasap (9.50m berbanding 9.48m, paras bahaya 9.14m), Sungai Senggarang di Senggarang (tidak berubah 3.28m, paras bahaya 3.5m), Sungai Bekok di Empangan Bekok (4.24m berbanding 17.21m, paras bahaya 17.5m), Sungai Segamat (6.77m berbanding 9.44m, paras bahaya 9.3m) dan Sungai Mengkibol di Kluang pula mencatatkan 23.66m berbanding 25.65 meter manakala paras bahayanya ialah 25.46m.

567 mangsa air pasang besar masih berlindung

KUANTAN: Seramai 567 mangsa banjir akibat fenomena air pasang besar di daerah Rompin hujung minggu lalu masih ditempatkan di tiga pusat pemindahan sementara sehingga semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang, ketika dihubungi semalam berkata, semua mangsa terbabit terdiri 118 keluarga membabitkan tujuh kampung.

Menurutnya, tujuh kampung berkenaan adalah Mentara, Sarang Tiong, Pianggu, Setajam, Desa Wawasan, Garong dan Tambang.

Katanya, semua mangsa dipindahkan ke dua pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Pianggu dan SK Sarang Tiong.

“Seramai 430 ditempatkan di SK Pianggu dan 137 di SK Sarang Tiong.

“Sehingga kini, keadaan cuaca baik dan tidak lagi hujan. Tapi disebabkan fenomena air pasang besar, semua mangsa dari tujuh kampung terpaksa berada di pusat pemindahan,” katanya.

Menurutnya, tiga pusat pemindahan yang sudah ditutup kira-kira jam 3.30 petang semalam adalah di Majlis Daerah Rompin, Kampung Rekoh dan Dewan Teluk Gading.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tioman, Datuk Mohd Johari Hussin, berkata penduduk yang diarah berpindah di harap berbuat demikian bagi mengelak kejadian tidak di-

Info banjir



● 567 mangsa daripada 118 keluarga

● 7 kampung terbabit adalah Kg Mentara, Kg Sarang Tiong, Kg Pianggu, Kg Setajam, Kg Desa Wawasan, Kg Garong dan Kg Tambang

● 2 pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Pianggu dan SK Sarang Tiong

● 430 ditempatkan di SK Pianggu dan 137 di SK Sarang Tiong

● 3 pusat pemindahan ditutup kira-kira jam 3.30 petang semalam adalah di Majlis Daerah Rompin, Kampung Rekoh dan Dewan Teluk Gading



ROSAK...hakisn teruk di Pantai Teluk Lipat akibat fenomena air pasang besar.

RM1.8 juta baiki jalan dirosak ombak

DUNGUN: Masalah hakisan teruk di Pantai Teluk Lipat, di sini, sejak minggu lalu akan diatasi segera apabila kerajaan negeri meluluskan peruntukan RM1.8 juta bagi membaiki pulih persekitaran pantai berkenaan akibat dipukul ombak susulan fenomena air pasang besar.

Tinjauan ke kawasan pantai peranginan itu mendapati jalan sepanjang satu kilometer di situ rosak teruk akibat dipukul ombak besar yang turut menyebabkan laluan terbabit dipenuhi pasir pantai.

Berikutan kejadian itu, jalan terbabit ditutup kepada semua lalu lintas.

Ahli Parlimen Dungun,

Datuk Matulidi Jusoh berkata, peruntukan itu disalurkan kerajaan negeri kepada Jabatan Pengairan dan Saliran.

“Ini kali kedua tahun ini kejadian ombak besar membadai pantai itu selepas Februari lalu, tetapi kali ini lebih besar sehingga meruntuhkan sebahagian jalan utama di sepanjang pantai itu.

“Usaha menyelamatkan pantai berkenaan amat perlu memandangkan kawasan itu juga ada pelbagai kemudahan lain seperti institusi pengajian tinggi dan sebuah litar perlumbaan kereta kawalan bertaraf antarabangsa,” katanya.

Menurutnya, hakisan teruk itu juga menyebabkan banyak pokok teduhan yang tumbang di sepanjang pantai terbabit tumbang di atas jalan.

Matulidi berkata, kerajaan negeri kini menunggu peruntukan Kerajaan Pusat untuk membina benteng pemecah ombak di Pantai Teluk Lipat bernilai RM150 juta sebagai langkah pencegahan hakisan jangka panjang.

Katanya, pertimbangan untuk menyegerakan kerja pembinaan benteng penahan ombak itu juga disandarkan kepada faktor kawasan pantai itu yang sering menjadi tumpuan penganjuran pertandingan memancing.

>Amaran hujan

KUALA LUMPUR: Hujan sekejap-sekejap kadangkala lebat dijangka di beberapa kawasan di Sabah dan Sarawak sehingga Khamis ini yang boleh menyebabkan banjir di kawasan rendah.

Menurut Jabatan Meteorologi, kawasan terlibat di Sabah ialah Kudat, Kota Marudu, Pitas, Sandakan, Kota Belud dan Ranau manakala di Sarawak, keadaan sama dijangka terjadi di Kuching, Bau, Lundu, Samarahan dan Serian.

Hujan sekali-sekala dengan sederhana lebat kadangkala dijangka berlaku di beberapa kawasan di Kota Tinggi dan Mersing di Johor serta Rompin dan Kuantan di Pahang sehingga hari Jumaat.

Jabatan Meteorologi mengingatkan paras air laut dijangka naik di Pantai Timur Semenanjung sehingga Khamis.

Angin kencang Timur Laut selaju 60 kilometer sejam (kmsj) pula diramal bertuip di beberapa kawasan Pantai Timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak manakala laut dijangka bergelora setinggi 5.5 meter. - Bernama

RM20j ganti benteng Pantai Irama

BACHOK: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan memohon peruntukan RM20 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk membina semula benteng pemecah ombak di Pantai Irama, di sini, yang musnah akibat kejadian ombak luar biasa dua hari lalu.

Pengarahnya, Abu Bakar Mohd Yusuf berkata, kertas kerja mengenainya sudah hampir siap untuk dikemukakan kepada kementerian berkaitan.

“Kita akan mengemukakan kepada Kerajaan Persekutuan dalam masa terdekat ini untuk mendapatkan peruntukan itu.

“Jika kita dapat sepenuhnya peruntukan itu, kita dapat menyelamatkan bukan saja khazanah yang ada di Pantai Irama, malah beberapa kampung serta usahawan chalet juga dapat dibantu,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.